

**Pemuda BN Serah Tawaran Biasiswa BN YES Kepada Pemohon Berjaya  
Bernama  
19 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) menyampaikan tawaran biasiswa pendidikan kepada 54 penerima bagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Pengerusi Pemuda BN Khairy Jamaluddin berkata jumlah permohonan untuk Biasiswa Pendidikan Pemuda BN (BN YES) untuk tahun ini lebih menggalakkan berbanding tahun lepas apabila menerima 600 permohonan.

"Bagaimanapun, kebanyakannya tidak diluluskan oleh pihak institusi pengajian tinggi swasta yang bekerjasama dengan Pemuda BN kerana tidak memenuhi kelayakan akademik yang diperlukan, kursus yang dipohon tidak ditawarkan IPTS dan pelbagai lagi kriteria yang gagal dipenuhi pemohon," katanya pada sidang media di sini selepas menyampaikan tawaran biasiswa BN YES kepada 54 penerima berkenaan.

Khairy berkata BN YES mendapat kerjasama beberapa IPTS tempatan termasuk Universiti Limkokwing, Universiti HELP, Universiti SEGi, Universiti Sunway dan Snips College of Creative Arts. Pelbagai kursus ditawarkan seperti perakaunan, kejuruteraan, ekonomi, sains, pengajian media massa dan arkitek.

"Penerima biasiswa tidak perlu membayar yuran pengajian kerana BN YES menawarkan biasiswa akademik yang ditanggung BN YES dengan kerjasama IPTS terlibat selain turut menerima wang tunai RM1,000 bersama sim kad Tune Talk," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682013>

